

02 AUG 1996

LEBIH BANYAK SYARIKAT MODAL USAHA NIAGA PATUT DITUBUHKAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed berkata hari ini lebih banyak syarikat modal usaha niaga patut ditubuhkan untuk membantu para usahawan mengkomersilkan idea mereka.

Terdapat ruang yang luas bagi syarikat-syarikat modal usaha niaga memandangkan pertumbuhan industri teknologi maklumat di negara ini, beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan mengenai Modal Usaha Niaga di sini.

"Kami menerima banyak pertanyaan daripada para usahawan untuk bantuan kewangan untuk mengkomerilkan idea-idea baru mereka," katanya.

Kementerian itu boleh memberikan bantuan kewangan kepada para usahawan memandangkan kebanyakan institusi kewangan hanya akan membantu mereka yang mempunyai rekod kejayaan yang terbukti.

Katanya Perbadanan Kemajuan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Permodalan Usahawan Nasional Bhd (PUNB) ditubuhkan untuk membantu para usahawan.

Kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM100 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tujuan tersebut, tambahnya.

Presiden Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) Mirzan Mahathir berkata industri modal usaha niaga di Amerika Syarikat berkembang kerana keperluan untuk dana-dana yang sanggup mengambil risiko.

Kebangkitan Lembah Silicon adalah sebahagiannya disebabkan adanya modal usaha, tambah beliau.

Katanya, "Begitu juga, di Malaysia, dengan tumpuan ke dalam teknologi tinggi dan pengiktirafan bahawa teknologi kerap di dorong keusahawanan, sumber dana-dana mestilah dibangun dan dipergunakan dengan sepenuh-penuhnya.

Dana-dana telah berkembang dalam saiz daripada cuma RM52.5 juta dan empat syarikat pada tahun 1990 kepada RM781 juta dengan 20 syarikat beroperasi mulai 1996.

Mirzan berkata, bagaimanapun, untuk mengekalkan dinamisme ekonomi, hendaklah ada cara-cara baru untuk menarik lebih banyak dana dan struktur dan insentif yang berimajinasi untuk membimbing syarikat-syarikat tempatan supaya memperolehi dana-dana itu dengan berkesan. -- BERNAMA

DAB OS/sia